



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

### **OPERASI GEMPUR CEGAH ISU PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

---

**25 September 2020, PUTRAJAYA** – Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya melalui Operasi Gempur di seluruh negara.

Bagi tempoh Januari sehingga 18 September 2020, JAS telah melaksanakan 72 Operasi Gempur di seluruh Negara yang melibatkan pemeriksaan kepada 2,572 premis dari pelbagai jenis industri termasuk 70 kilang yang dilesenkan oleh jabatan ini iaitu kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah atau kemudahan pengolahan atau pelupusan buangan terjadual.

Operasi Gempur yang telah mula dijalankan pada tahun ini merupakan salah satu inisiatif berimpak tinggi yang bertujuan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dan meningkatkan pematuhan industri kepada perundangan alam sekitar. Program ini dilaksanakan secara berkala di samping pemeriksaan rutin kepada premis yang tertakluk kepada AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang dikenalpasti berisiko untuk menyebabkan pencemaran alam sekitar. Operasi dilaksanakan dengan kerjasama dan penglibatan langsung dari pelbagai agensi penguatkuasa yang berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing diyakini dapat meningkatkan lagi keberkesanan pemeriksaan premis.

Melalui Operasi Gempur ini, penguatkuasaan akan difokuskan kepada premis atau punca-punca pencemaran terutamanya yang terletak di hulu takat pengambilan air, sering diadu, menghasilkan beban pencemar yang tinggi, sering dikenakan tindakan penguatkuasaan, premis menghasilkan buangan terjadual dalam kuantiti yang tinggi atau terletak di kawasan yang mempunyai isu alam sekitar atau di lembangan sungai yang tercemar.

Susulan pemeriksaan yang dijalankan melalui Operasi Gempur ini, JAS telah mengambil tindakan tegas ke atas 942 premis yang didapati melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sebanyak 2,956 tindakan

penguatkuasaan telah diambil di bawah perundangan tersebut yang merangkumi 881 Notis Arahan, 2005 kompaun bernilai RM 4,010,000 dikeluarkan, 37 Penahanan Operasi Kelengkapan, 4 premis digantung lesen, 1 premis dikenakan Perintah Larangan dan 28 Kertas Siasatan disediakan untuk tindakan mahkamah.

Operasi Gempur bagi bulan September 2020 telah dilaksanakan secara berperingkat termasuk operasi pada hari ini di negeri Selangor yang melibatkan penguatkuasaan ke atas 90 buah premis termasuklah premis-premis yang terletak di hulu takat pengambilan air. Dalam hal ini, 92 tindakan penguatkuasaan telah diambil iaitu 30 Notis Arahan telah dikeluarkan bagi penambahbaikan alat kawalan pencemaran dan pengurusan buangan terjadual, 58 kompaun berjumlah RM116,000 dikenakan dan 4 buah premis telah dikenakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) kerana gagal memasang alat kawalan pencemaran.

Kementerian ingin mengingatkan bahawa tindakan tegas terus akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati menyebabkan pencemaran air sungai. Dalam hal ini, seseorang yang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Semua pihak yang tertakluk kepada perundangan alam sekitar adalah diingatkan agar mengambil langkah yang sewajarnya agar operasi premis tidak akan menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar dan menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Dalam hal ini, setiap tindakan dan keputusan yang diambil juga hendaklah mengambil kira elemen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kerana alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Selain itu, pengurusan buangan terjadual perlu diberi perhatian serius bagi mematuhi undang-undang dan garis panduan sedia ada. Buangan ini juga hendaklah dikitarsemula atau dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS sahaja kerana buangan terjadual yang mempunyai ciri-ciri berbahaya boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada manusia serta pencemaran air, udara dan tanah. Pihak industri adalah dilarang sama sekali untuk melupuskan buangan terjadual secara haram. Tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pihak yang disabit kesalahan boleh dihukum penjara mandatori serta denda maksimum sebanyak RM500,000.

KASA melalui JAS akan terus melipatgandakan tindakan penguatkuasaan AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Kementerian juga memandang serius usaha yang perlu diambil dalam menangani kes-kes pencemaran alam sekitar dan komitmen dari semua pihak adalah amat penting bagi memastikan kualiti alam sekitar tidak terjejas walaupun aktiviti perindustrian dan pembangunan pesat dijalankan.

Semua pihak perlu memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam bersama-sama memastikan kualiti alam sekitar sentiasa terpelihara. Saya juga ingin mengajak orang ramai untuk membantu JAS dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>. Saya amat menghargai sebarang laporan yang diberikan.

**YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN**

Menteri Alam Sekitar dan Air

Putrajaya

**25 September 2020**